

21 JAN 1996

Mazlan-Satelit

LAPAN JURUTERA MALAYSIA BANTU BINA MIKRO SATELIT

SHAH ALAM, 21 Jan (Bernama) -- Lapan jurutera Malaysia akan membantu membina mikro satelit negara bernilai RM25 juta, satelit kedua yang akan dilancarkan Malaysia.

Ketua Pengarah Bahagian Sains Angkasa Lepas (Baksa) Prof Dr Mazlan Othman berkata mereka akan bekerja sepenuh masa selama dua tahun bersama jurutera-jurutera asing untuk membina satelit seberat 50kg itu.

"Kita akan melibatkan diri dalam pembinaan mikro satelit berkenaan ... bukan hanya sekadar penonton sahaja," kata beliau selepas upacara penutupan rasmi pameran Pengembaraan Angkasa Lepas Sumur City di sini oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

"Sebahagian daripada mikro satelit itu akan dibina di Malaysia, katanya.

Ditanya bila mikro satelit itu akan dilancarkan, beliau berkata ia dijadualkan tahun depan seperti yang dikatakan Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad tetapi mungkin berlaku perubahan.

Beliau menjelaskan bahawa mikro satelit itu amat kecil yang bermakna ia harus dan perlu dilancarkan dengan "menumpang" sebuah roket lain dan tempat untuk tujuan itu agak sukar diperolehi.

Mazlan berkata Malaysia sepatutnya mendapat tempat untuk pelancaran satelit itu secara percuma daripada Arianespace, syarikat yang melancarkan MEASAT-1, bagaimanapun, sama ada Malaysia akan mendapat peluang itu masih belum dipastikan kerana Arianespace mempunyai terlalu banyak pelanggan dan tidak dapat memberikan pelancaran percuma yang biasanya kurang diutamakan.

Oleh yang demikian, kata beliau, Malaysia mungkin akan mendapatkan khidmat syarikat lain, sama ada dari India atau Russia, untuk melancarkan satelit berkenaan "kerana kita mahu melakukannya secepat mungkin."

Mengenai keupayaan mikro satelit berkenaan, beliau berkata ia berupaya untuk melakukan kerja-kerja penderiaan jauh secara kasar seperti mengesan kebakaran besar hutan.

Mazlan berkata projek mikro satelit di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar itu lebih bermaksud untuk membina kapasiti membangunkan sumber manusia Malaysia dalam bidang sains dan teknologi angkasa dan bukannya tertumpu kepada telekomunikasi atau penderiaan jauh.

"Kita perlu melatih rakyat Malaysia...jadi tujuan utama mikro satelit ini bukannya lebih kepada komunikasi tetapi membangunkan kapasiti membina sumber manusia kita dan memastikan kita tahu apa yang penting untuk dilakukan di udara," katanya.

Mazlan berkata selepas melatih kumpulan teras jurutera dan saintis, Baksa bercadang mengadakan beberapa program pengajian lepasan ijazah untuk peringkat Sarjana dan Ph.D serta pertukaran saintis dan jurutera dengan rakan kongsi asing berkenaan.

"Kita berharap ia akan meningkatkan keupayaan kita dalam bidang ini termasuk dalam lapangan rekabentuk dan teknologi bahan," katanya dan langkah seterusnya ialah untuk membina satelit yang lebih besar.

Bagaimanapun beliau berkata ia bergantung kepada sejauh manakah para jurutera dan saintis Malaysia mampu untuk menerima teknologi berkenaan dari luar negara termasuk bidang merekabentuk satelit.

Minat dalam bidang berkenaan berpunca daripada wawasan Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju, katanya.

"Dan bolehkah sebuah negara menyatakan ia negara maju jika ia tidak mengambil bahagian dalam industri penting ini - industri angkasa lepas?"

tanya beliau. -- BERNAMA.